



09 MAY, 2020

PKS perlu tingkatkan kemahiran teknologi digital

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

PKS perlu tingkatkan kemahiran teknologi digital

KUALA LUMPUR: Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) digesa supaya lebih radikal untuk meningkatkan kemahiran teknologi digital agar seiring dengan negara maju yang lain.

Ini dinyatakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed setelah mendapati ada PKS yang belum memahami teknologi ini sekaligus gagal memanfaatkannya.

"Ada PKS yang arif, cekap dan bersedia mengenai e-dagang tetapi masih ada yang belum nampak relevannya. Justeru, pendedahan akan ditingkatkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemubual dalam rancangan Malaysia Hari Ini membincangkan tentang 'Norma Baharu Asas Pemulihan Covid-19' di siaran TV3.

"Inilah masanya untuk kita mengubah secara radikal terhadap gaya hidup, kaedah pelaksanaan dan strategi sejajar dunia digital terkini," katanya. Sebaliknya, Mustapa berkata PKS yang terdedah dengan teknologi digital semakin rancak mengembangkan operasi perniagaan dan mengoptimalkan produktiviti.

Mengambil contoh, bazar dalam talian, 'Agrobazaar

Online' kendalian Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mencatatkan jualan memberangsangkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) giat mempromosi teknologi digital termasuk melalui kursus dalam talian bagi meningkatkan operasi, pengeluaran dan daya saing PKS, katanya.

Mengenai kebimbangan pelbagai pihak apabila hampir semua sektor ekonomi dibuka mulai 4 Mei, Mustapa berkata keputusan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)



DATUK Seri Mustapa Mohamed.

dibuat dengan teliti.

"Ada yang menyatakan ia terlalu awal, tetapi itu pandangan dan perbincangan yang biasa berlaku diperingkat awal. Tetapi bagi kerajaan,

kita sudah mendapat nasihat daripada Kementerian Kesihatan.

"Sudah sampai masa untuk kita lihat kedudukan ekonomi kerana bantuan Pakej

Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) untuk sementara sahaja dan apa yang penting syarikat perlu dibuka kembali," jelasnya.

— Bernama



09 MAY, 2020

PKS perlu tingkatkan kemahiran teknologi digital

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) digesa supaya lebih radikal untuk meningkatkan kemahiran teknologi digital agar seiring dengan negara maju yang lain. Ini dinyatakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed setelah mendapati ada PKS yang belum memahami teknologi ini sekaligus gagal memanfaatkannya. “Ada PKS yang arif, cekap dan bersedia mengenai e-dagang tetapi masih ada yang belum nampak relevannya. Justeru, pendedahan akan ditingkatkan.” katanya.